

UCAPAN INI DISAMPAIKAN OLEH Y.B. DATUK HAJI
ABDUL TAIB BIN MAHMUD, MENTERI PERANCANGAN
AM DAN PENYELIDIKAN SOSIO EKONOMI.

PRESIDEN PERSATUAN BIOKIMIA MALAYSIA,
PADA HADIRIN SEKALIAN.

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA DATUK
MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN, DI UPACARA
PEMBUKAAN RASMI SEMINAR PERSATUAN
BIOKIMIA MALAYSIA, PADA 29HB MAC, 1975,
DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA PADA

2. PULA - JAM 10.00 PAGI SAYA MENYAMPAIKAN
UCAPAN TERIMA KASIH DAN SALAM HORMAT
BELIAU KEPADA HADIRIN SEKALIAN KERANA
TELAN MENGUNDANG BELIAU HADIR DALAM MAJLIS
INI. SINGKAPUR MAJLIS INI TELAH DIRANCANG
KAR BEGITU LAMA TETAPI AGAK MALANG SEBALI
KERANA DITOLAK OLEH KEDURAN YANG AKUT
BERHUMAT ITU MAKA BELIAU TIDAK DAPAT
BERSAMA-SAMA HADIR PADA PAGI INI.

3. DAN SEKARANG, SAYA DENGAN SUKADITANYA
MENYAMPAIKAN UCAPAN TERSEBUT.

- 2 -

TUAN Pengerusi Majlis,
Yang Berhormat Menteri-Menteri,
Presiden Persatuan Biokimia, Malaysia,
Para Hadirin Sekalian.

Disebabkan oleh keuzuran Yang Amat
Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Datuk
Hussein Onn, saya telah diminta untuk
menyampaikan ucapan ini bagi pihak Yang
Amat Berhormat itu.

2. Mula-mulanya inilah saya menyampaikan
ucapan terima kasih dan salam hormat
beliau kepada hadirin sekalian kerana
telah mengundang beliau hadir dalam majlis
ini. Sungguhpun majlis ini telah dirancang-
kan begitu lama tetapi agak malang sekali
kerana disebabkan oleh keuzuran Yang Amat
Berhormat itu maka beliau tidak dapat
bersama-sama hadir pada pagi ini.

3. Dan sekarang, saya dengan sukacitanya
menyampaikan ucapan tersebut.

4. DALAM ZAMAN SAINS DAN TEKNOLOJI INI RAMAI RAKYAT MALAYSIA YANG TELAH SEDAR AKAN PENTINGNYA HUBUNGAN SAINS DENGAN MASYARAKAT. RAMAI PULA YANG TELAH MENUNJUKKAN MINAT UNTUK MEMAHAMINYA. DAN PERKEMBANGAN INI PERLULAH DIGALAKKAN. KITA JUGA MAKLUM BAHAWA SEBAHAGIAN BESAR PELAJAR-PELAJAR DAN JUGA PAKAR-PAKAR SAINS TELAH SEDAR AKAN PERANAN SAINS DALAM MASYARAKAT DAN TELAH MENUNJUKKAN KEINGINAN MEREKA UNTUK MELIBATKAN DIRI DALAM ASPEK INI.

5. KITA MERASA BANGGA BAHAWA DI MALAYSIA INI BEBERAPA PERTUBUHAN YANG BERCORAK SAINS TELAH DITUBUHKAN TERMASUKLAH PERSATUAN BIOKIMIA MALAYSIA INI. PERTUBUHAN-PERTUBUHAN INI TELAH PUN MENUNJUKKAN MINAT UNTUK MELIBATKAN DIRI DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN MASYARAKAT MALAYSIA SEKARANG. INI MERUPAKAN SATU SUMBANGAN DALAM KEMAJUAN NEGARA KITA KE ARAH MENGUJUDKAN SATU MASYARAKAT YANG ADIL DAN SAKSAMA BERDASARKAN SAINS DAN TEKNOLOJI. DARI SEGI INI, KERAJAAN MALAYSIA BOLEH MEMBERI

GALAKAN KEPADA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SEPERTI INI DAN DIHARAPKAN BILANGANNYA AKAN MENINGKAT SUPAYA LEBIH BANYAK DARIPADA ANGKA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN PARTI POLITIK.

6. DALAM KEMAJUAN KITA SEKARANG, SAYA YAKIN PERTUBUHAN SEPERTI PERSATUAN BIOKIMIA MALAYSIA INI AKAN DAPAT MELAHIRKAN SIKAP "MALAYSIA ORIENTED" DAN MEMBERI LEBIH PERHATIAN KEPADA MASAALAH DAN TAJUK YANG ADA KAITANNYA DENGAN MALAYSIA. "KNOWLEDGE FOR THE SAKE OF KNOWLEDGE" DAN "RESEARCH FOR THE SAKE OF RESEARCH" MERUPAKAN SATU "LUXURY" YANG TIDAK DAPAT DIUTAMAKAN ATAU DIBANTU OLEH KERAJAAN. KERAJAAN SEDAR BAHAWA MALAYSIA INI MEMPUNYAI BANYAK PELUANG UNTUK PENYELIDIKAN. ADA BIDANG-BIDANG YANG BELUM LAGI DISENTUH DAN HANYA MENUNGGU UNTUK DIKAJI. SAYA HARAP PERSATUAN INI DAPAT MEMBERI PERHATIAN YANG SEWAJARNYA TERHADAP PERKARA INI.

7. KITA SELALU MENDENGAR LAUNGAN "MALAYSIA PERLU MENGUJUDKAN SATU MASYARAKAT YANG ADIL DAN SAKSAMA BERDASARKAN SAINS DAN TEKNOLOJI" DAN MUNGKIN SAUDARA-SAUDARA SEKALIAN AKAN

BERTANYA APAKAH TUJUAN KERAJAAN ITU. APAKAH HUBUNGAN SAINS DENGAN MASYARAKAT? APAKAH MASALAH DAN KESAN SAINS TERHADAP MASYARAKAT? APAKAH YANG DITAFSIRKAN SAINS DAN TEKNOLOJI? ADAKAH INI MERUPAKAN HANYA SATU CARA BAGAIMANA MATLAMAT KITA AKAN DICAPAI HINGGA CARA PERSEKOLAHAN AKAN DISALURKAN KEPADA PENGAJIAN-PENGAJIAN YANG BERCORAK SAINS DAN TEKNOLOJI? KESAN-KESANNYA BOLEH DIRUMUSKAN KEPADA EKONOMI, PEPERANGAN DAN PENCEMARAN ALAM.

TUAN-TUAN SEKALIAN,

8. SAINS ATAU CARA-CARA YANG BERDASARKAN SAINS MERUPAKAN SATU CARA UNTUK MENINGGIKAN TARAF EKONOMI KITA. IANYA MERUPAKAN SATU PUNCA KESENYANGAN DAN KALAU BERNASIB BAIK MUNGKIN KEKAYAAN. PERLU DITERANGKAN BAHAWA PERBEZAAN TARAF HIDUP DAN PENDAPATAN "PER CAPITA" DI NEGARA-NEGARA ASIA DAN AFRIKA AMATLAH RENDAH JIKA DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA-NEGARA BARAT DAN AMERIKA SYARIKAT. JURANG PERBEZAAN DARI SEGI SAINS DAN TEKNOLOJI ADALAH LEBIH LUAS LAGI. NEGARA ASIA YANG AGAK SAMA TARAFNYA DENGAN NEGARA EROPAH IALAH

NEGARA JEPUN. NEGARA-NEGARA INI MEMPUNYAI PENGETAHUAN TEKNOLOJI YANG KUKUH. NEGARA-NEGARA INI JUGA MENJALANKAN PENYELIDIKAN-PENYELIDIKAN ASASI SUPAYA HASIL-HASIL DAPAT DIGUNAKAN UNTUK KEMAJUAN NEGARA-NEGARA ITU SENDIRI.

9. PERANAN SAINS DALAM BIDANG PEPERANGAN BUKANLAH SATU PERKARA YANG BARU. AHLI-AHLI SAINS PADA ZAMAN DAHULU KALA TELAH MENGGUNAKAN PENDAPAT-PENDAPAT SAINS UNTUK DIGUNAKAN DALAM LOGISTIK, CARA PERTAHANAN, PEREKAAAN ALAT-ALAT PEPERANGAN DAN SEBAGAINYA.

10. PERANAN SAINS MENJADI LEBIH BERKESAN LAGI DALAM PERANG DUNIA KEDUA DAN PEPERANGAN-PEPERANGAN YANG BERIKUTAN. PUNCAK PERANAN SAINS DALAM BIDANG INI IALAH DARI SEGI PENCIPTAAN DAN PENGGUNAAN BOM ATOM. DETIK INI ADALAH MERUPAKAN SATU DETIK PERKEMBANGAN DARI SEGI PERANAN TENAGA NUKLEAR. SELAIN DARIPADA PENGGUNAAN TENAGA NUKLEAR UNTUK BIDANG PEPERANGAN, IANYA JUGA BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MENINGGIKAN TARAF EKONOMI MANUSIA, MENJAMIN KESIHATAN IAITU DALAM BIDANG PERUBATAN DAN SEBAGAINYA.

11. KEDANYAKAN NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MAJU, TERUTAMANYA AMERIKA SYARIKAT, RUSSIA, DAN SETENGAH-SETENGAH NEGARA DI BENUA EROPAH MENGUNTUKKAN SEBAHAGIAN BESAR PERBELANJAANNYA BAGI MELENGKAPKAN BAHAGIAN PERTANAHAN DAN BIDANG YANG BERKAITAN DENGANNYA.

12. MEMANGLAH BENAR BAHAWA TAJUK INI TIDAK ADA KAITANNYA DENGAN PERSATUAN SAUDARA TETAPI APA YANG TELAH DIKEMUKAKAN BAHAWA PENDAPAT-PENDAPAT SAINS, KALAU DISALAHGUNAKAN, BOLEH MENIMBULKAN KESENGSARAAN.

13. SATU LAGI ASPEK YANG PERLU DIBANGKITKAN ADALAH BERKENAAN DENGAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR. KITA SERING KALI MENDENGAR IAITU LAUT-LAUT TELAH DIKOTORI OLEH MINYAK AKIBAT KEMALANGAN KAPAL-KAPAL TANGKI MINYAK. JUGA KITA DAPATI BAHAWA SUNGAI-SUNGAI SEKARANG TIDAK BANYAK LAGI MEMPUYAI HAYAT SEPERTI IKAN-IKAN DAN SEBAGAINYA. INI ADALAH AKIBAT BAHAN-BAHAN RACUN SEPERTI BAHAN KIMIA YANG TIDAK PATUT DIGUNAKAN, DIBUANG DALAM SUNGAI OLEH KILANG-KILANG TERTENTU. SAYA HARAP PERSATUAN SAUDARA DAPAT BERUSAHA MEMULIHKAN

BALIK KEPADA KEADAAN ASLI. PROSES PENCEMARAN TELAH JUGA BERLAKU DI SUNGAI KELANG. SELALUNYA MEREKA MENGANGGAP BAHAWA PUNCA PENCEMARAN INI ADALAH AKIBAT SAINS. INI MEMANG TIDAK ADIL OLEH KERANA SAINS HANYA MENGEMUKAKAN FAKTA DAN PENDAPAT DAN TERPULANGLAN KEPADA AHLI-AHLI TEKNOLOJI DAN ORANG AWAM UNTUK MEMIKIRKAN PENDAPAT-PENDAPAT INI.

14. APA YANG BERLAKU PADA MASA SEKARANG IALAH AHLI TEKNOLOJI HANYA MEMBERI PERHATIAN KEPADA PEMBINAAN ALAT-ALAT BERDASARKAN PENDAPAT-PENDAPAT SAINS. TIDAK ADA PERHATIAN DIBERI TERHADAP KESAN-KESAN YANG AKAN BERLAKU. OLEH YANG DEMIKIAN, SAUDARA-SAUDARA ADALAH DIMINTA MEMIKIRKAN SESUATU CARA BAGAIMANA MENGATASI MASAAALAH INI.

SAUDARA-SAUDARA,

15. KITA JUGA DAPATI BAHAWA KITA TELAH MENGGUNAKAN DDT UNTUK MENJAMIN KESELAMATAN KITA, DAN INI TELAH MENIMBULKAN MASAAALAH. KITA DAPATI BAHAWA DDT TELAH DIGUNAKAN UNTUK MENGAWAL SERANGGA YANG BOLEH MENYEBABKAN MEREBAKNYA PENYAKIT-PENYAKIT SEPERTI DALAM

TAHUN KELIMA-PULUHAN DAN TAHUN KEENAM-PULUHAN DI MANA DDT TELAH DIGUNAKAN UNTUK MENGAWAL PENYAKIT MALARIA. JUGA DENGAN MENGGUNAKAN DDT, KITA DAPATI DAPAT MENINGGIKAN HASIL MAKANAN TETAPI MASALAH YANG TERNYATA BAHAWA DDT, TIDAK DAPAT DIMUSNAHKAN KEPADA BAHAN YANG TIDAK BERKESAN LAGI. DDT INI TELAH DIKESAN DI MERATA-MERATA DUNIA, TERMASUKLAH DI DALAM AIR DAN TELAN UJUD DALAM "FOOD CHAINS" DENGAN KADAR YANG TINGGI. INI AKAN SECARA TIDAK LANGSUNG MENJADI BAHAYA KEPADA MANUSIA IAITU KEPADA MANUSIA YANG MEMAKAN IKAN-IKAN DAN LAIN HAYAT LAUT DAN SUNGAI. PERSOALAN YANG TIMBUL IALAH ADAKAH PERLU DIHENTIKAN PENGELUARAN UBATTINI? SOALAN INI AGAK SUKAR DIJAWAB. KITA BOLEH MENGGUNAKAN BAHAN-BAHAN KIMIA YANG LAIN TETAPI HARGANYA ADALAH TERLAMPAU TINGGI. KITA JUGA BOLEH GUNA CARA-CARA LAIN TETAPI INI TIDAK BEGITU EFEKTIF KALAU DIBANDINGKAN DENGAN KUASA DDT.

16. MEREKA YANG TINGGAL DI NEGARA-NEGARA BARAT DALAM KEADAAN MEWAH, MENGUTUK PENGGUNAAN DDT. TETAPI ORANG YANG TINGGAL DI NEGARA-NEGARA DI MANA TERDAPAT PENYAKIT MALARIA DAN JUGA DI MANA PUNCA DAN SUMBER-SUMBER MAKANAN

SANGAT PENTING, BERADA DALAM KEADAAN SERBA SALAH SAMADA HENDAK MEMBERHENTIKAN PENGGUNAAN DDT INI ATAU TIDAK. INI MERUPAKAN SOALAN EKONOMI DAN KEMAMPUAN SATU-SATU NEGARA.

17. SAYA HARAP PERSATUAN INI DAN JUGA PERSATUAN-PERSATUAN YANG BERCORAK SAINS YANG LAIN DI NEGARA INI DAPAT MENUMPUKAN FIKIRAN KEPADA PERKARA INI. INI JUGA SEDANG BERLAKU DI KAWASAN TANAMAN PADI DI MANA DENGAN PENGGUNAAN BAHAN-BAHAN KIMIA KITA DAPATI BAHAWA KITA TELAH DAPAT MENINGGIKAN HASIL PENGELUARAN PADI TETAPI SEBALIKNYA KITA TELAH MEMBUNUH IKAN-IKAN YANG MENJADI PUNCA PROTIN UNTUK PESAWAH-PESAWAH SENDIRI. KITA KETAHUI BAHAWA PROTIN ADALAH SATU BAHAN YANG PENTING UNTUK MEMBESAR DAN MENJAMIN TUBUH MANUSIA BIASA DALAM KEADAAN YANG SIHAT.

18. SAUDARA-SAUDARA SEMUA TELAH MAKLUM BAHAWA PIHAK KERAJAAN TELAH MELIBATKAN DIRI SECARA SUNGGUH-SUNGGUH DALAM PROJEK PERTANIAN, KERANA NEGARA KITA INI MEMPUNYAI TANAH YANG SUBUR YANG BOLEH DITANAM DENGAN BAHAN-BAHAN MAKANAN UNTUK KEPERLUAN RAKYAT. UNTUK TUJUAN INI KERAJAAN TELAH MELANCARKAN GERAKAN RANCANGAN "BUKU HIJAU" ATAU PUN GERAKAN BUMI JAYA DI MANA SEMUA TENAGA KERAJAAN DAN RAKYA

DAPAT DISATUKAN SUPAYA GERAKAN MENGELUARKAN BAHAN MAKANAN DAN KEPERLUAN SEHARI-HARI DAPAT DIJALANKAN SECARA BESAR-BESARAN. RANCANGAN INI ADALAH SALAH SATU USAHA KERAJAAN MENGURANGKAN TEKANAN STAGHASI YANG KITA ALAMI SEKARANG DENGAN MENENTUKAN TIAP-TIAP DAERAH MENGELUARKAN HASIL MAKANAN YANG CUKUP UNTUK KEGUNAAN SENDIRI DAN UNTUK MENAMBAHKAN PENDAPATAN PENDUDUK-PENDUDUK DI LUAR BANDAR.

19. DALAM PROJEK BUKU HIJAU INI, PIHAK PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB DI PERINGKAT NEGERI BERSAMA-SAMA WAKIL RAKYAT IAITU AHLI MAJLIS TINDAKAN DAERAH DIKEHENDAKI MENYEDIAKAN RANCANGAN MENANAM BAHAN MAKANAN, SAMADA JANGKA PENDEK ATAU JANGKA PANJANG IAITU BARANG-BARANG KEPERLUAN SEPERTI PADI, JAGUNG, SAYUR-SAYURAN, PUSAT TERNAKAN, PERIKANAN, MENGADAKAN RANCANGAN IKAN AIR TAWAR DAN LAIN-LAINNYA. SETIAP DAERAH MESTILAH DENGAN SEBERAPA BOLEH BERDIKARI IAITU DAPAT MENGELUARKAN BARANG-BARANG KEPERLUAN DENGAN KERJASAMA SEMUA AJENSI KERAJAAN.

20. PROJEK BUKU HIJAU INI ADALAH SATU PROJEK YANG AMAT PENTING. OLEH ITU TIAP-TIAP ORANG

MESTILAH MENGAMBIL BAHAGIAN DAN SAYA HARAP BAHAWA PERSATUAN INI DAPAT JUGA MEMBERI SUMBANGAN ATAU PUN GALAKAN UNTUK MEMAJUKAN PROJEK INI.


21. MUNGKIN SAUDARA-SAUDARA AKAN BERTANYA MENGAPAKAH PAKAR-PAKAR SAINS SEPerti SAUDARA SEKALIAN INI PERLU MELIBATKAN DIRI DALAM PROJEK-PROJEK INI? MEMANGLAH SUKAR BAGI SAYA HENDAK MENJELASKAN SECARA DETAIL APA KAITAN SAUDARA DENGAN BIDANG INI, TETAPI PADA PANDANGAN SAYA ILMU PENGETAHUAN KALAU TIDAK DAPAT DIPRAKTIK, IA AKAN MERUPAKAN SATU USAHA YANG MEMBAZIR.

22. SAYA MENYENTUH PERKARA BUKU HIJAU INI IALAH OLEH KERANA PRESIDEN PERSATUAN INI TELAH MENYEBUT, ANTARA LAIN, AHLI-AHLI BIOKIMIA DIPERLUKAN DALAM BIDANG PERTANIAN. DENGAN DEMIKIAN SAYA SUKA MENGINGATKAN IAITU USAHA DAN TINDAKAN SAUDARA TERHADAP RANCANGAN INI ADALAH UNTUK KEBAIKAN SEMUA. SAYA JUGA BERHARAP BAHAWA AHLI-AHLI PERSATUAN INI AKAN CUBA MENUMPUKAN PERHATIAN YANG LEBIH KEPADA PROJEK-PROJEK TEMPATAN DAN INI DENGAN SECARA LANGSUNG AKAN DAPAT MENOLONG PIHAK KERAJAAN.

23. SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN INI, SATU PERKARA YANG INGIN SAYA TEKANKAN IALAH SETAKAT MANA HASIL-HASIL PENYELIDIKAN SAINS, KHASNYA OLEH AJENSI KERAJAAN TELAH DAPAT DI-SEBARKAN KEPADA RAKYAT UNTUK DIPRAKTIKKAN. SAYA KEMUKAKAN HAL INI KERANA DALAM BEBERAPA BIDANG, KHASNYA PERTANIAN, KITA BELUM MENCAPAI TARAF TEKNOLOJI YANG TINGGI. TANAMAN BUAH-BUAHAN, MASIH TIDAK BERBEZA DENGAN TEMPOH BERPULUH-PULUH TAHUN YANG LALU. ASPEK INILAH YANG SAYA HARAP, SAUDARA-SAUDARA AKAN DAPAT MENGAJAI DAN MENYELARASKAN TERUTAMA DENGAN EXTENSION SERVICE, JABATAN PERTANIAN SUPAYA HASIL-HASIL PENYELIDIKAN SAINS BENAR-BENAR DAPAT DISAMPAI DAN SETERUS^{nya} DIAMALKAN OLEH PETANI-PETANI KITA.

24. DENGAN HARAPAN DAN KAJIAN INI, SAUDARA-SAUDARA, SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH ATAS KESEMPATAN DAN KEHORMATAN INI DAN DENGAN SUKACITANYA SAYA MERASMIKAN SEMINAR "MENGENAI PERANAN AHLI-AHLI BIOKIMIA DALAM KONTEK PEMBANGUNAN MALAYSIA" HARI INI DAN MENDOAKAN SEMOGA IA BERJAYA MENCAPAT TUJUANNYA.

TERIMA KASIH.



SEBELUM MEMANGKINI UCAPAN INI, SATU

PERHARA YANG INI, SAYA TERAKKAN LALAN

SEKALU MAWA HASIL PENYELIDIKAN SAINS

KHASNYA OLEH AGUNSI KEMAJAAN TELAN MARI DI-

SEBARAN KEPADA RAKYAT UNTUK BERAKTIKAN

SAYA KEMUKAKAN HAL INI KERANA UMAM BEBERA

STAND KHASNYA PERTANIAN, KITA BELAN MENCAPAI

TARAF TEKNOLOGI YANG TINGGI. MANA MANI BUKAN

BUAHAN MASIH TIDAK BERSEJA DENGAN TERKON

BERPUNUH-PUNUH TANUN YANG LALU, ASPEK INILAH

YANG SAYA HARAP, SAUDARA-SAUDARA AKAN DAPAT

MENKAMU DAN MENYELARAKAN TERUTAMA DENGAN

EXTENSION SERVICE, JABATAN PERTANIAN SUPAYA

HASIL-HASIL PENYELIDIKAN SAINS BENAR-BENAR

DAPAT DISUMPAI DAN SETERUS DIAMALKAN OLEH

PETANI-PETANI KITA.



No Siri 148
 No Penerimaan 10/79

TERIMA KASIH.